

26/08/1999

Mahathir rasmi menara berkembar Selasa

KUALA LUMPUR, Rabu - Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam Hari Kebangsaan, Selasa ini.

Kompleks menara setinggi 88 tingkat itu, yang turut merangkumi pusat perniagaan enam tingkat dan dewan filharmonik bertaraf dunia, dibina membabitkan kos RM1.8 bilion sejak 1992 dan mula diduduki dua tahun lalu.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata acara perasmian menara berkenaan turut menyempurnakan fasa pertama projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang menggabungkan tujuh komponen lain.

Komponen berkenaan ialah Menara Maxis setinggi 50 tingkat, Menara Esso (30 tingkat), Masjid Asy-Syakirin yang boleh menampung 6,000 jemaah, pusat beli-belah Suria KLCC, Hotel Mandarin Oriental, Pusat Penyejukan Daerah dan taman riadah.

Beliau berkata, pembinaan Menara Berkembar Petronas dan KLCC secara keseluruhannya memanfaatkan industri pembinaan negara, khususnya dalam melaksana dan menguruskan projek berteknologi tinggi.

"KLCC adalah suatu projek yang amat sukar untuk dilaksanakan kerana ia membabitkan kaedah pembinaan yang berbeza di antara satu komponen dengan komponen lain.

"Bagaimanapun, kami berjaya melakukannya... sesuatu yang dianggap pada masa lalu sebagai mustahil oleh orang lain," katanya kepada pemberita pada sesi taklimat khas mengenai KLCC di menara itu, hari ini.

Pada sesi yang sama, beliau turut melancarkan laman web Petronas yang baru iaitu di www.petronas.com.my.

Menara Berkembar Petronas setinggi 452 meter, diiktiraf oleh Majlis Bangunan Tinggi dan Habitat Bandar berpangkalan di Amerika Syarikat, sebagai tertinggi di dunia mengatasi Menara Sears di Chicago.

Azizan berkata, perpindahan teknologi menerusi projek gergasi itu digunakan bagi memanfaatkan pelaksanaan program pembinaan lain di negara ini.

"Misalnya, kaedah lanskap yang hampir sama dijalankan bagi pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan yang baru di Putrajaya," katanya.

Mengenai kos pembinaan menara itu, beliau berkata jumlah RM1.8 bilion dianggap berpatutan 'pada masa itu' sehingga ada pemimpin Barat yang terkejut dengannya.

(END)